

Tindakan Mahathir boleh kucar-kacirkan perpaduan UMNO

PETALING JAYA 13 Ogos - Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Mohd. Johari Baharum berkata, tindakan Tun Dr. Mahathir Mohamad mengkritik pentadbiran Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi secara terbuka boleh mengakibatkan perpecahan di kalangan ahli UMNO.

Ini kerana menurut beliau, sejak isu itu timbul, UMNO kini seperti terbahagi kepada dua kumpulan.

"Ada antara ahli parti bersetuju dengan Dr. Mahathir dan ada juga yang memihak Abdullah, ahli UMNO jadi tidak sepakat dan kita bimbang, akhirnya merugikan parti sendiri.

"Saya pernah bekerja dengan kedua-dua pemimpin ini sebagai Setiausaha Politik, kita juga tidak boleh menyangkal jasa Dr. Mahathir tetapi kita kena juga patuh kepada satu kapten saja iaitu Abdullah," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan Mesyuarat Perwakilan Pemuda UMNO Kelana Jaya di kompleks kastam dekat sini, hari ini.

Turut hadir ialah Ketua Penerangan UMNO yang juga Ketua UMNO Bahagian Kelana Jaya, Tan Sri Muhammad Muhd. Taib.

Mohd. Johari yang Ketua UMNO Bahagian Kubang Pasu berkata, Dr. Mahathir

um - 14/8/2006
sepatutnya mengambil kira kepentingan parti dan ahli UMNO sebelum bertindak mengkritik pentadbiran Abdullah.

Ujarnya, tindakan Dr. Mahathir itu terutama mengenai isu rasuah telah memberi peluang kepada parti pembangkang menggunakan perkara tersebut sebagai isu untuk memenangi pilihan raya akan datang.

Kata beliau, Dr. Mahathir sepatutnya memberi peluang kepada Abdullah menadbir kerajaan sebagai mana yang pernah dilakukan oleh Abdullah ketika menjadi Timbalan Perdana Menteri.

"Sewaktu saya menjadi Setiausaha Politik beliau (Abdullah), saya selalu rujuk beliau mengenai apa-apa kenyataan dan beliau akan berpesan, 'Johari, kita kena ingat, kita hanya ada satu kapten (Dr. Mahathir) sahaja, jadi kita kena patuh kepada kapten itu sahaja,'" kata beliau.

Sementara itu, katanya, beberapa Ahli Majlis Tertinggi (MT) akan mengatur pertemuan antara Dr. Mahathir dan Abdullah untuk membantu menyelesaikan isu yang timbul antara kedua-dua pemimpin itu.

Ujarnya, pertemuan tersebut akan berjalan secara tertutup tanpa kehadiran pihak media dan orang tengah dan masalah itu akan diselesaikan mengikut prinsip kekeluargaan.